



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 4 TAHUN 2025 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PROSEDUR PERMOHONAN DAN KELULUSAN LANJUTAN MASA PENGEMUKAAN BORANG NYATA SECARA DALAM TALIAN (e-LANJUTAN MASA)

KANDUNGAN

1. PENGENALAN.....	1
2. TUJUAN	1
3. KATEGORI PEMBAYAR CUKAI	2
4. SYARAT - SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN e-LANJUTAN MASA.....	3
5. STATUS KOD KELULUSAN / PENOLAKAN	8
6. RAYUAN KE ATAS PERMOHONAN e-LANJUTAN MASA YANG TIDAK DILULUSKAN	10
7. TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI KE ATAS KELULUSAN e-LANJUTAN MASA.....	11

1. PENGENALAN

- 1.1 Subseksyen 77A(1A) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan seksyen 30 / 30A Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [APCP 1967] memperuntukan setiap pembayar cukai syarikat, perkongsian liabiliti terhadap, badan amanah atau koperasi / orang yang boleh dikenakan cukai (OBD) hendaklah mengemukakan suatu penyata dalam borang yang ditetapkan secara medium elektronik dalam tempoh tujuh (7) bulan daripada tarikh penutupan tempoh perakaunan yang terdiri daripada tempoh asas bagi suatu tahun taksiran (TT) / tarikh selepas tamat tempoh itu.
- 1.2 Pada dasarnya permohonan untuk lanjutan masa bagi pengemukaan BN di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan Akta Petroleum (Cukai) Pendapatan 1967 (APCP 1967) TIDAK DIBENARKAN kecuali bagi kes-kes tertentu yang tertakluk kepada merit serta alasan yang kukuh dan munasabah.
- 1.3 Mulai 1 November 2025, permohonan lanjutan masa pengemukaan BN boleh dibuat melalui aplikasi e-Lanjutan Masa di MyTax menggunakan peranan pengarah / pentadbir organisasi atau wakil pengarah / wakil pentadbir organisasi.

2. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan kepada pembayar cukai berkenaan prosedur pengendalian permohonan dan kelulusan lanjutan masa pengemukaan borang nyata (BN) melalui aplikasi e-Lanjutan Masa.

3. KATEGORI PEMBAYAR CUKAI

Permohonan e-Lanjutan Masa ini HANYA melibatkan kategori pembayar cukai berikut:

Jadual 1

Pembayar Cukai	Jenis Fail	Borang
a) Pembayar cukai yang mengemukakan BN di bawah seksyen 77A ACP 1967 berikut:		
Syarikat	C	C
Perkongsian Liabiliti Terhad	PT	PT
Koperasi	CS	C1
Badan Amanah	TA	TA
Unit Amanah / Amanah Harta Tanah	TC	TC
Amanah Pelaburan Harta Tanah/Tabung Amanah Harta	TR	TR
Amanah Perniagaan	TN	TN
b) Pembayar cukai yang mengemukakan BN di bawah subseksyen 30 dan subseksyen 30A APCP 1967 berikut:		
OBD di Peringkat Produksi	PP	CPP
OBD di Peringkat Eksplorasi	PP	CPE

4. SYARAT - SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN e-LANJUTAN MASA

4.1 Kelulusan permohonan lanjutan masa bagi pengemukaan BN di bawah ACP 1967 dan APCP 1967 melalui aplikasi e-Lanjutan Masa adalah TERTAKLUK kepada syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

4.2 Syarat kelayakan permohonan e-Lanjutan Masa yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

4.2.1 Syarat bagi permohonan e-Lanjutan Masa dengan alasan pembayar cukai telah mendapat kelulusan lanjutan masa dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah seperti berikut [Rujuk Lampiran A] :

- i) **TIADA** penerimaan BN oleh HASiL dalam tahun taksiran (TT) yang ingin dimohon; dan
- ii) **Tempoh asas** dan **tempoh perakaunan** adalah **SEPADAN** dengan maklumat di sistem HASiL; dan
- iii) **TIADA** permohonan lanjutan masa manual yang **DITOLAK / DILULUSKAN / status menunggu kelulusan (MK)** bagi TT yang ingin dimohon; atau
- iv) **HANYA** kelulusan **e-Lanjutan Masa** dengan Kod 001 – “Mendapat kelulusan lanjutan masa serah simpan penyata kewangan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)” **DIBENARKAN** untuk membuat permohonan kali kedua melalui aplikasi e-Lanjutan Masa ini; dan
- v) Permohonan dibuat dalam tempoh yang **DITETAPKAN** iaitu bermula **tiga puluh (30) hari** atau sekurang-kurangnya **empat**

belas (14) hari sebelum tarikh akhir pengemukaan BN [mengambil kira tambahan masa (grace period) yang dibenarkan sekiranya ada]; dan

vi) Bagi permohonan e-Lanjutan Masa yang telah mendapat kelulusan lanjutan masa daripada SSM berdasarkan alasan- alasan berikut:

- Permohonan lanjutan masa bagi edaran penyata kewangan dan laporan / (Application for extension of time for circulation of financial statement and reports); atau
- Permohonan lanjutan masa bagi edaran dan mengadakan mesyuarat agung tahunan / (Application for extension of time for circulation and holding annual general meeting); atau
- Permohonan lanjutan masa bagi mengemukakan penyata kewangan dan laporan / (Application for extension of time to lodge financial statement and reports

Tindakan yang perlu dibuat oleh pembayar cukai adalah seperti berikut:

a) memasukkan tarikh SERAH SIMPAN penyata kewangan sebagai tarikh di medan lanjutan masa pemfailan serah simpan yang diluluskan oleh SSM (Jadual 2) dan contoh berkaitan adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 2:

TEMPOH LANJUTAN MASA

Tarikh Akhir Pengemukaan Borang Nyata

Lanjutan Masa Pemfailan Serah Simpan yang Diluluskan oleh SSM (Hingga)

Tarikh Surat Kelulusan SSM

Muat Naik Surat Kelulusan Lanjutan Masa oleh SSM No file chosen

Muat Naik Publish Report oleh SSM No file chosen

Alasan Permohonan Lanjutan Masa

Jadual 3:

Bil	Alasan SSM	Tarikh Surat Kelulusan SSM	Tarikh Yang Perlu diisi di medan "Lanjutan Masa Pemfailan Serah Simpan yang Diluluskan oleh SSM" di e-Lanjutan Masa	Catatan
1.	Permohonan lanjutan masa bagi edaran penyata kewangan dan laporan (Application for extension of time for circulation of financial statements and reports)	29.09.2025	29.10.2025	Sekiranya tarikh kelulusan lanjutan masa edaran penyata kewangan dan laporan oleh SSM adalah 29.09.2025 , maka tarikh serah simpan penyata kewangan yang perlu dimasukkan adalah 29.10.2025 iaitu 30 hari selepas tarikh edaran yang telah diluluskan.
2.	Permohonan lanjutan masa bagi edaran mengadakan mesyuarat agung tahunan (Application for extension of time for holding annual general meeting)	29.09.2025	29.10.2025	Sekiranya tarikh kelulusan lanjutan masa edaran dan mengadakan mesyuarat agung tahunan oleh SSM adalah 29.09.2025 , maka tarikh serah simpan penyata kewangan yang perlu dimasukkan adalah 29.10.2025 iaitu 30 hari selepas tarikh mesyuarat agung tahunan yang telah diluluskan.

Bil	Alasan SSM	Tarikh Surat Kelulusan SSM	Tarikh Yang Perlu diisi di medan "Lanjutan Masa Pemfailan Serah Simpan yang Diluluskan oleh SSM" di e-Lanjutan Masa	Catatan
3.	Permohonan lanjutan masa bagi mengemukakan penyata kewangan dan laporan (Application for extension of time to lodge financial statements and reports)	29.09.2025	29.09.2025	Sekiranya tarikh kelulusan lanjutan masa serah simpan penyata kewangan oleh SSM adalah 29.09.2025 , maka tarikh serah simpan penyata kewangan yang perlu dimasukkan adalah 29.9.2025 .

b) Memuat naik dua (2) dokumen berikut:

- Surat kelulusan lanjutan masa SSM; dan
- Salinan / tangkap layar 'Publish Report' SSM bagi permohonan lanjutan masa yang diluluskan.

4.2.2 Syarat bagi permohonan e-Lanjutan Masa dengan alasan **SELAIN** mendapat kelulusan lanjutan masa SSM [Rujuk Lampiran A] :

- TIADA** penerimaan BN dalam tahun taksiran (TT) yang ingin dimohon; dan
- Tempoh asas** dan **tempoh perakaunan** adalah **SEPADAN** dengan maklumat di sistem HASiL; dan

- iii) **TIADA** permohonan lanjutan masa manual yang **DITOLAK / DILULUSKAN / status menunggu kelulusan (MK)** di bagi TT yang ingin dimohon; atau
- iv) **HANYA** kelulusan **e-Lanjutan Masa** dengan Kod 001 – “Mendapat kelulusan lanjutan masa serah simpan penyata kewangan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)” **DIBENARKAN** untuk membuat permohonan kali kedua melalui aplikasi e-Lanjutan Masa ini; dan
- v) Permohonan dibuat dalam tempoh yang **DITETAPKAN** iaitu bermula **tiga puluh (30) hari** atau sekurang-kurangnya **empat belas (14) hari** sebelum tarikh akhir pengemukaan BN [mengambil kira tambahan masa (grace period) yang dibenarkan sekiranya ada]; dan
- vi) **TIADA** tunggakan cukai (baki debit) atau ansuran cukai tidak dipatuhi sehingga TT semasa (ansuran baki cukai / ansuran audit / ansuran borang Q / ansuran guaman sivil / ansuran khas / ansuran siasatan & komposit / ansuran siasatan selain komposit); dan
- vii) **TIADA** ansuran anggaran cukai CP204 / CP250 tertunggak bagi TT yang dimohon (tahun semasa).

4.3 Secara amnya, kelulusan e-Lanjutan Masa diberikan **SEKALI SAHAJA** tertakluk kepada senario berikut:

4.3.1 Permohonan e-Lanjutan Masa yang diluluskan.

Permohonan e-Lanjutan Masa dengan **Kod 001** boleh memohon lebih daripada **SEKALI**. Alasan bagi permohonan seterusnya adalah termasuk alasan SSM atau selain SSM.

4.3.2 Permohonan tambahan lanjutan masa kali kedua dan berikutnya.

- i) Permohonan e-Lanjutan Masa ditolak dengan **Kod 101** disebabkan tempoh perakaunan / tempoh asas berbeza daripada rekod HASiL, pembayar cukai dibenarkan untuk membuat permohonan semula selepas kemas kini dibuat. Kemas kini boleh dibuat dengan mengemukakan borang pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan (CP204B) yang boleh dimuat turun dari portal rasmi HASiL di pautan <https://www.hasil.gov.my> atau mengemas kini secara dalam talian melalui e-CP204B di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>.
- ii) Permohonan e-Lanjutan Masa ditolak dengan **Kod 104 / 105** disebabkan wujud tunggakan cukai / ansuran cukai tidak patuh / mempunyai ansuran anggaran cukai (CP204 / CP250) tertunggak, pembayar cukai dibenarkan untuk membuat permohonan semula selepas bayaran tunggakan dijelaskan dan lejer dikemas kini serta tertakluk kepada syarat-syarat lain dipatuhi.

5. STATUS KOD KELULUSAN / PENOLAKAN

5.1 Status kod kelulusan / penolakan adalah seperti di Jadual 4 dan Jadual 5.

Jadual 4

KOD	PENERANGAN KOD LULUS	ALASAN PERMOHONAN	
		Mendapat kelulusan EOT dari SSM	Lain-lain (Selain SSM)
001	Mendapat kelulusan lanjutan masa serah simpan penyata kewangan dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	✓	
002	Kes memenuhi merit kelulusan		✓

Jadual 5

KOD	PENERANGAN KOD TOLAK	ALASAN PERMOHONAN	
		Mendapat Kelulusan EOT Dari SSM	Lain-Lain (Selain SSM)
100	BN tahun taksiran yang dimohon telah diterima.	✓	✓
101	Tempoh perakaunan / Tempoh asas berbeza daripada rekod HASiL. Sila kemukakan pemakluman CP204B sekiranya tempoh perakaunan berubah. Sekiranya terdapat perubahan tempoh perakaunan, sila kemukakan borang pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan (CP204B) yang boleh dimuat turun dari portal rasmi HASiL atau kemas kini secara dalam talian melalui e-CP204B di pautan https://mytax.hasil.gov.my/ .	✓	✓
102	Telah mendapat kelulusan lanjutan masa manual / dalam talian (e-Lanjutan Masa) sebelumnya, berkuatkuasa bagi tahun taksiran yang sama. Sila rujuk HASiL Negeri yang mengendalikan fail cukai.	✓	✓
103	Permohonan lanjutan masa kurang 14 hari daripada tarikh akhir pengemukaan BN / tambahan / lanjutan masa yang diluluskan	✓	✓
104	Mempunyai tunggakan cukai (baki debit) atau ansuran cukai tidak dipatuhi sehingga TT semasa	✓ -	✓
105	Mempunyai ansuran anggaran cukai CP204 / CP250 tertunggak bagi TT yang dimohon (tahun semasa).	✓ -	✓

6. RAYUAN KE ATAS PERMOHONAN e-LANJUTAN MASA YANG TIDAK DILULUSKAN

Bagi permohonan e-Lanjutan Masa yang tidak dapat diproses / tidak diluluskan disebabkan KEGAGALAN pembayar cukai mematuhi syarat kelayakan di perenggan 4.2.1.iii, 4.2.2.iii, 4.2.2.vi dan 4.2.2.vii di atas, pembayar cukai boleh membuat permohonan semula di aplikasi e-Lanjutan Masa setelah tindakan berikut dibuat:

- i) Sekiranya terdapat perubahan tempoh perakaunan, pembayar cukai adalah dinasihatkan untuk mengemukakan borang pemberitahuan pertukaran tempoh perakaunan (CP204B) yang boleh dimuat turun di portal rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di pautan <https://www.hasil.gov.my> atau kemas kini secara talian melalui e-CP204B di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>. Permohonan e-Lanjutan Masa boleh dibuat setelah kemas kini dibuat; atau
- ii) Sekiranya terdapat tunggakan cukai sehingga TT semasa atau ansuran cukai tertunggak, pembayar cukai dibenarkan untuk membuat permohonan semula selepas bayaran tunggakan dijelaskan dan lejer dikemas kini serta tertakluk kepada syarat-syarat lain dipatuhi; atau
- iii) Sekiranya terdapat ansuran anggaran cukai CP204 / CP250 tertunggak bagi TT semasa, pembayar cukai dibenarkan untuk membuat permohonan semula selepas bayaran tunggakan dijelaskan dan lejer dikemas kini serta tertakluk kepada syarat-syarat lain dipatuhi.

7. TANGGUNGJAWAB PEMBAYAR CUKAI KE ATAS KELULUSAN e-LANJUTAN MASA

Pembayar cukai yang telah DILULUSKAN permohonan e-Lanjutan Masa PERLU memastikan:

- i) BN dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mengelakkan pengenaan penalti di bawah subseksyen 112(3) ACP 1967 atau subseksyen 51(3) APCP 1967 dikenakan;
- ii) Bayaran cukai atau baki cukai kena dibayar di bawah subseksyen 103(1) ACP 1967 / subseksyen 48(8) APCP 1967 PERLU dibayar pada / sebelum tarikh akhir pengemukaan BN termasuk tambahan masa dan lanjutan masa yang telah diluluskan bagi mengelakkan penalti di bawah subseksyen 103(3) ACP 1967 / subseksyen 48(4) APCP 1967 dikenakan; dan
- iii) Maklumat yang dikemukakan adalah benar, tepat dan lengkap. Adalah dimaklumkan bahawa kelulusan ini boleh ditarik balik sekiranya maklumat yang dikemukakan didapati tidak benar, tidak tepat atau tidak lengkap. Sekiranya BN yang lengkap dikemukakan selepas tarikh akhir atau selepas tempoh lanjutan yang dibenarkan, penalti di bawah peruntukan yang dinyatakan di perenggan **7(i)** boleh dikenakan.

Sektor Operasi Cukai

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

29 Disember 2025